

**PENGARUH STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA
TERHADAP PENCAPAIAN MATA PELAJARAN BAHASA
MELAYU PELAJAR SEKOLAH MENENGAH LUAR
BANDAR DI SABAH**



**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

**PENGARUH STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA
TERHADAP PENCAPAIAN MATA PELAJARAN BAHASA
MELAYU PELAJAR SEKOLAH MENENGAH LUAR
BANDAR DI SABAH**

JAILANI BIN IDRIS



**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

PENGAKUAN PELAJAR

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

09 Januari 2014

Jailani Bin Idris
PT20088359




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN PENYELIAAN

NAMA : **JAILANI BIN IDRIS**
NO. PELAJAR : **PT20088359**
TAJUK : **PENGARUH STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA
TERHADAP PENCAPAIAN MATA PELAJARAN
BAHASA MELAYU PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
LUAR BANDAR DI SABAH**
IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH
(KURIKULUM DAN PEMBELAJARAN)**
TARIKH VIVA : **11 OKTOBER 2013**

DISAHKAN OLEH;



1. PENYELIA

Prof. Madya Dr. Baharom Mohamad



PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang

Segala puji-pujian bagi Allah SWT tuhan seluruh alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kami nabi Muhamad SAW dan seluruh keluarga serta sahabat baginda yang telah berjasa dan berbakti. Dengan limpah dan kurniaNya jua telah memberikan nikmat kesihatan, semangat dan kelapangan masa untuk saya meneruskan usaha menuntut ilmu dan seterusnya menyiapkan tesis yang tidak sepertinya ini.

Pada sedikit kesempatan ini, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Baharom bin Mohamad selaku penyelia yang tidak pernah jemu-jemu memberi tunjuk ajar dan motivasi sepanjang proses penyeliaan kajian ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan seperjuangan serta staf SPPS dan individu-individu yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung hingga selesaianya penulisan tesis ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, pengetua-pengetua sekolah yang terlibat, rakan-rakan guru yang telah memberikan kerjasama ketika kajian dilaksanakan. Seterusnya, tidak lupa juga saya ucapkan terima kasih dan rasa terhutang budi kepada semua pelajar yang telah terpilih sebagai responden kajian ini kerana telah meluangkan masa emas mereka dalam memberikan komitmen semasa kajian rintis dan juga kajian sebenar dijalankan.

Ucapan terima kasih jua saya abadikan buat ayah dan bonda (Ayahanda Idris bin Atok dan bonda Salbiah binti Hj. Bastin) serta mertua, doa dan pengorbanan kalian telah mengiringi perjuangan ini. Pastinya ucapan terima kasih saya kalungkan untuk isteri tercinta (Halimah binti Nordin) serta cahaya mata kami (Nur Irdina, Irdina Sofiyah, Irdina Aisyah dan Muhammad Irsyad), kemanisan perjuangan ini adalah atas pengorbanan dan kesabaran yang telah kalian berikan. Buat adik-beradik (Rusnah, Mahmud, Hamjah, Rapahi, Rozita, Siti Haja Radziah dan Hazrullizam) dan adik ipar, terima kasih jua atas dorongan dan doa kalian.

Akhir kata, semoga hasil kerja yang tidak sepertinya ini dapat memberi sumbangan yang signifikan kepada kita semua dan dikira sebagai amal bakti oleh Allah SWT.

Jailani Bin Idris
Program Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Sabah

ABSTRAK

Kajian strategi pembelajaran Bahasa Melayu di Malaysia secara umumnya dan di negeri Sabah secara khususnya masih sedikit. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menyelidik tentang penggunaan strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar sekolah menengah luar bandar di negeri Sabah semasa mempelajari Bahasa Melayu di dalam kelas. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mengkaji jenis dan tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa, pola dan perbezaan penggunaan strategi pembelajaran bahasa berdasarkan tahap pencapaian pelajar, hubungan dan pengaruh penggunaan strategi pembelajaran bahasa dengan tahap pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu. Seramai 472 orang pelajar daripada sekolah menengah luar bandar di lima bahagian negeri Sabah telah dipilih menggunakan teknik pensampelan rawak berstrata. Penyelidik menjadikan instrumen soal selidik sebagai alat kajian utama untuk mengumpul maklumat tentang penggunaan strategi pembelajaran bahasa. Soal selidik tersebut terdiri daripada lima bahagian, iaitu Bahagian A merupakan latar belakang responden dan Bahagian B, C, D dan E merupakan item soalan tentang SPBM dalam aspek SPBD, SPBT, SPBB dan SPBTs. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa para pelajar menggunakan SPBM secara keseluruhannya pada tahap sederhana. SPBD merupakan strategi yang paling kerap digunakan. Secara umumnya, pelajar berpencapaian tinggi lebih kerap dan banyak menggunakan SPBM berbanding kumpulan tahap pencapaian lain. Keputusan analisis ANOVA pula memperlihatkan terdapat perbezaan signifikan pada penggunaan SPBM berdasarkan kumpulan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Ujian Korelasi Pearson menunjukkan terdapat korelasi signifikan yang positif antara strategi pembelajaran bahasa dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Hasil Analisis Regresi Berganda pula menunjukkan bahawa SPBM dalam aspek SPBD dan SPBTs merupakan dua strategi pembelajaran bahasa yang menyumbang secara signifikan terhadap pencapaian, manakala SPBM dalam aspek SPBB dan SPBT pula tidak memberi sumbangan yang signifikan terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Hasil daripada kajian ini diharapkan mampu memberi implikasi teori dan pedagogi terhadap bidang strategi pembelajaran Bahasa Melayu serta dapat memberi sumbangan ke arah meningkatkan pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu di Malaysia.

ABSTRACT

The Influence Of Language Learning Strategies To The Achievement Of Malay Language Of Rural Secondary Schools Students In Sabah

The research of Malay Language learning strategies in Malaysia in general and Sabah in particular is still lacking. Therefore, the purpose of this research is to investigate the usage of language learning strategies while learning Malay Language in class among rural secondary school students in Sabah. Specifically, this research aims to study the type and frequency of language learning usage, pattern and differences in language learning strategies usage based on students' achievement, relations and influences of language learning strategies usage to achievement of the Malay Language subject. A total of 472 rural secondary school students from five divisions of Sabah were selected by using the stratified random sampling technique. The researcher made questionnaire as the main research instrument to collect data on the usage of language learning strategies. The questionnaire consist of five sections, section A refers to respondent's background and section B, C, D and E refer to questions on SPBM on aspects of SPBD, SPBT, SPBB and SPBTs. The findings of the research showed that students use SPBM at average level in general. SPBD was the most frequently used strategy. The result also revealed that high achievement students use SPBM more frequently than other level achievement students. The result of the ANOVA analysis on the other hand, showed significant differences in SPBM usage based on students' achievement level group in Malay Language subject. Pearson Correlation test showed that there is positive significant correlation between language learning strategies and students' achievement in Malay Language subject. The outcome of the Multiple Regression showed that SPBM in aspects of SPBD and SPBTs are two language learning strategies that significantly contributed to achievement, whereas SPBM in aspects of SPBB and SPBT did not contribute significantly to students' achievement in the Malay Language subject. It is hoped that the findings of this research is able to provide theoretical and pedagogical implication towards Malay Language learning strategies and contribute to increasing the success of the Malay Language subject in Malaysia.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI SINGKATAN	xix
SENARAI LAMPIRAN	xx
 BAB 1 : PENDAHULUAN	 1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.2.1 Bahasa Melayu Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah	3
1.2.2 Latar Belakang Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Melayu Dalam Peperiksaan PMR Negeri Sabah	5
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Persoalan Kajian	14
1.6 Hipotesis Kajian	15
1.7 Kepentingan Kajian	17
1.8 Batasan Kajian	19
1.9 Definisi Operasional	19
1.9.1 Strategi Pembelajaran Bahasa	20
1.9.2 Kemahiran Mendengar	20
1.9.3 Kemahiran Bertutur	20
1.9.4 Kemahiran Membaca	21
1.9.5 Kemahiran Menulis	21

1.9.6	Pencapaian	22
1.9.7	Mata Pelajaran Bahasa Melayu	22
1.9.8	Pelajar Tingkatan Empat	23
1.9.9	Sekolah Luar bandar	23
1.10	Rumusan	23


BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	25
2.2	Kemahiran Bahasa	25
2.2.1	Kemahiran Mendengar	26
2.2.2	Kemahiran Bertutur	28
2.2.3	Kemahiran Membaca	32
2.2.4	Kemahiran Menulis	35
2.3	Teori Strategi Pembelajaran Bahasa	42
2.3.1	Strategi Pembelajaran Bahasa dan Teori Kognitif	42
2.4	Terminologi Strategi Pembelajaran Bahasa	46
2.5	Ciri-ciri Strategi Pembelajaran Bahasa	50
2.6	Pelajar Bahasa yang Baik (<i>Good Language Learner</i>)	52
2.7	Taksonomi Strategi Pembelajaran Bahasa	54
2.7.1	Model Strategi Pembelajaran Bahasa Mohamed Amin (1996)	54
2.7.2	Model Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Zamri (2004)	56
2.7.3	Model Strategi Pembelajaran Bahasa Kamarul Shukri (2009)	57
2.7.4	Model Strategi Pembelajaran Bahasa O'Malley dan Chamot (1990)	59
2.7.5	Model Strategi Pembelajaran Bahasa Oxford (1990)	61
2.7.6	Strategi Pembelajaran Bahasa MacIntyre (1994)	65
2.7.7	Strategi Pembelajaran Bahasa Ellis (1994)	68
2.8	Hubungan dan Pengaruh Strategi Pembelajaran Bahasa Terhadap Tahap Pencapaian Bahasa	68
2.9	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa	81
2.10	Kajian Strategi Pembelajaran Bahasa Berdasarkan Kemahiran Bahasa	87

2.11	Kajian Strategi Pembelajaran Bahasa DI Malaysia	91
2.12	Kerangka Konseptual Kajian	121
2.13	Rumusan	124

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	125
3.2	Reka Bentuk Kajian	125
3.3	Populasi Kajian	126
3.4	Sampel Kajian	128
3.5	Instrumen Kajian	130
	3.5.1 Borang Soal Selidik Pelajar	130
	3.5.2 Pengukuran Pemboleh Ubah Borang Soal Selidik	133
3.6	Kajian Rintis	134
	3.6.1 Kesahan Instrumen Kajian	134
	3.6.2 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	136
3.7	Prosedur Pengutipan Data	139
3.8	Analisis Data	140
	3.8.1 Analisis Deskriptif	140
	3.8.2 Analisis Inferensi	143
3.9	Rumusan	148



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	149
4.2	Kadar Respons Responden	149
4.3	Profil Responden Kajian	150
4.4	Ujian Normaliti Bagi Taburan Data	151
4.5	Kesahan Dalaman Skala Pengukuran	153
4.6	Apakah jenis strategi pembelajaran bahasa kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis dan tahap penggunaannya dalam kalangan pelajar di sekolah menengah luar bandar ketika mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu?	154
	4.6.1 Tahap Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Setiap Item	155
	4.6.2 Tahap Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Keempat-empat Kemahiran Bahasa	159

	a. Tahap Penggunaan SPBD	159
	b. Tahap Penggunaan SPBT	161
	c. Tahap Penggunaan SPBB	164
	d. Tahap Penggunaan SPBTs	168
4.6.3	Tahap Penggunaan Keseluruhan Strategi Pembelajaran Bahasa	171
4.7	Apakah Pola Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Mendengar, Bertutur, Membaca dan Menulis Dalam Kalangan Pelajar Di Sekolah Menengah Luar Bandar Berdasarkan Kumpulan Tahap Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu?	172
4.8	Adakah Terdapat Perbezaan yang Signifikan Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Mendengar, Bertutur, Membaca dan Menulis Dalam Kalangan Pelajar Di Sekolah Menengah Luar Bandar Berdasarkan Kumpulan Tahap Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu?	177
4.8.1	Perbezaan penggunaan strategi pembelajaran bahasa kemahiran mendengar dalam kalangan pelajar di sekolah menengah luar bandar berdasarkan kumpulan tahap pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu	178
4.8.2	Perbezaan penggunaan strategi pembelajaran bahasa kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar di sekolah menengah luar bandar berdasarkan kumpulan tahap pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu	179
4.8.3	Perbezaan penggunaan strategi pembelajaran bahasa kemahiran membaca dalam kalangan pelajar di sekolah menengah luar bandar berdasarkan kumpulan tahap pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu	181
4.8.4	Perbezaan penggunaan strategi pembelajaran bahasa kemahiran menulis dalam kalangan pelajar di sekolah menengah luar bandar berdasarkan kumpulan tahap pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu	182
4.9	Adakah Terdapat Hubungan yang Signifikan Antara Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Kemahiran Mendengar, Bertutur, Membaca dan Menulis Dalam Kalangan Pelajar Di Sekolah Menengah Luar Bandar Dengan Tahap Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu?	184
4.9.1	Hubungan penggunaan strategi pembelajaran bahasa kemahiran mendengar dalam kalangan pelajar di sekolah menengah luar bandar dengan tahap pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu	184
4.9.2	Hubungan penggunaan strategi pembelajaran bahasa kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar di sekolah menengah luar bandar dengan tahap pencapaian dalam	185

	mata pelajaran Bahasa Melayu	
4.9.3	Hubungan penggunaan strategi pembelajaran bahasa kemahiran membaca dalam kalangan pelajar di sekolah menengah luar bandar dengan tahap pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu	185
4.9.4	Hubungan penggunaan strategi pembelajaran bahasa kemahiran menulis dalam kalangan pelajar di sekolah menengah luar bandar dengan tahap pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu	186
4.10	Adakah Terdapat Pengaruh yang Signifikan Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Aspek Kemahiran Mendengar, Bertutur, Membaca dan Menulis Dalam Kalangan Pelajar Di Sekolah Menengah Luar Bandar Terhadap Tahap Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu?	187
4.10.1	Pengaruh penggunaan strategi pembelajaran bahasa dalam kemahiran mendengar dalam kalangan pelajar di sekolah menengah luar bandar terhadap tahap pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu	187
4.10.2	Pengaruh penggunaan strategi pembelajaran bahasa kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar di sekolah menengah luar bandar terhadap tahap pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu	188
4.10.3	Pengaruh penggunaan strategi pembelajaran bahasa kemahiran membaca dalam kalangan pelajar di sekolah menengah luar bandar terhadap tahap pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu	189
4.10.4	Pengaruh penggunaan strategi pembelajaran bahasa kemahiran menulis dalam kalangan pelajar di sekolah menengah luar bandar terhadap tahap pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu	190
4.11	Ringkasan Dapatan Kajian	192
4.11.1	Jenis Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Aspek Kemahiran Mendengar, Bertutur, Membaca, Menulis dan Kekerapan Penggunaannya Dalam Kalangan Pelajar Di Sekolah Menengah Luar Bandar Ketika Mempelajari Mata Pelajaran Bahasa Melayu	192
4.11.2	Pola Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Aspek Kemahiran Mendengar, Bertutur, Membaca dan Menulis Dalam Kalangan Pelajar Di Sekolah Menengah Luar Bandar Berdasarkan Tahap Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	192
4.11.3	Perbezaan Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Aspek Kemahiran Mendengar, Bertutur, Membaca dan Menulis Dalam Kalangan Pelajar Di Sekolah Menengah	193

	Luar Bandar Berdasarkan Kumpulan Tahap Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	
4.11.4	Hubungan Antara Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Aspek Kemahiran Mendengar, Bertutur, Membaca dan Menulis Dalam Kalangan Pelajar Di Sekolah Menengah Luar Bandar Dengan Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	194
4.11.5	Pengaruh Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Aspek Kemahiran Mendengar, Bertutur, Membaca dan Menulis Dalam Kalangan Pelajar Di Sekolah Menengah Luar Bandar Terhadap Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	195
4.12	Rumusan	196

BAB 5 : RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	197
5.2	Ringkasan Kajian	197
5.3	Rumusan Dapatan Kajian	199
5.4	Perbincangan Dapatan Kajian	202
5.4.1	Jenis Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Mendengar, Bertutur, Membaca, Menulis dan tahap Penggunaannya Dalam Kalangan Pelajar Di Sekolah Menengah Luar Bandar Ketika Mempelajari Mata Pelajaran Bahasa Melayu	202
5.4.2	Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Mengikut Kategori Kemahiran Bahasa	208
a.	Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Mendengar	209
b.	Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran bertutur	212
c.	Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Membaca	214
d.	Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Bertutur	216
5.4.3	Pola Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Mendengar, Bertutur, Membaca dan Menulis Dalam Kalangan Pelajar Di Sekolah Menengah Luar Bandar Berdasarkan Kumpulan Tahap Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	219
5.4.4	Perbezaan Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Mendengar, Bertutur, Membaca dan Menulis Dalam Kalangan Pelajar Di Sekolah Menengah Luar Bandar Berdasarkan Kumpulan Tahap Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	226
5.4.5	Hubungan Antara Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Mendengar, Bertutur, Membaca dan	232

	Menulis Dalam Kalangan Pelajar Di Sekolah Menengah Luar Bandar dengan Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	
5.4.6	Pengaruh Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Mendengar, Bertutur, Membaca dan Menulis Dalam Kalangan Pelajar Di Sekolah Menengah Luar Bandar Terhadap Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu.	237
5.5	Implikasi Kajian	246
5.5.1	Implikasi Teoretis	246
5.5.2	Implikasi Pedagogi	250
5.6	Sumbangan Kajian Kepada Ilmu Bidang	253
5.6.1	Memperkaya Maklumat Strategi Pembelajaran Bahasa	253
5.6.2	Instrumen Kajian Strategi Pembelajaran Bahasa	254
5.6.3	Model Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu	255
5.7	Sumbangan Kajian Kepada Masyarakat	256
5.8	Cadangan Kajian Lanjutan	257
5.9	Penutup	258
	BIBLIOGRAFI	260
	SENARAI LAMPIRAN	



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


SENARAI JADUAL

		Halaman	
Jadual	1.1	Analisis Prestasi Mata Pelajaran Bahasa Melayu Dalam Peperiksaan PMR 2007-2011	6
Jadual	1.2	Analisis Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Melayu PMR 2010 Dan 2011 Mengikut Daerah Negeri Sabah	9
Jadual	2.1	Kemahiran Asas Bahasa	26
Jadual	2.2	Model Strategi Kemahiran Mendengar Gapas	27
Jadual	2.3	Model Strategi Kemahiran Mendengar Bandes	28
Jadual	2.4	Fungsi Pertuturan, Ciri-Ciri dan Kemahiran.	30
Jadual	2.5	Model Membaca SQ3R	33
Jadual	2.6	Model Membaca KWLH	34
Jadual	2.7	Klasifikasi Strategi Pembelajaran Bahasa Mohamed Amin (1996)	55
Jadual	2.8	Klasifikasi Strategi Pembelajaran Bahasa Model O'Malley dan Chamot (1990)	59
Jadual	2.9	Strategi Pembelajaran Bahasa Secara Langsung Oxford (1990)	62
Jadual	2.10	Strategi Pembelajaran Bahasa Secara Tidak Langsung Oxford (1990)	64
Jadual	3.1	Taburan Sekolah dan Bilangan Pelajar Tingkatan Tiga Sekolah Luar Bandar Negeri Sabah 2011	128
Jadual	3.2	Jumlah Item Instrumen Soal Selidik Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Konstruk Aspek Kemahiran Bahasa	132
Jadual	3.3	Skala Bagi Item-item Bahagian B, C, D dan E	133
Jadual	3.4	Statistik Kebolehpercayaan Item Instrumen Kajian	139
Jadual	3.5	Penganalisan Berpandukan Skor Min	141
Jadual	3.6	Kumpulan Tahap Pencapaian Pelajar Berdasarkan Gred	142
Jadual	3.7	Gred Mata Pelajaran dan Markat yang Diberikan	143

Jadual	3.8	Kekuatan Hubungan Antara Dua Pemboleh Ubah	144
Jadual	3.9	Kekuatan Pengaruh Antara Dua Pemboleh Ubah	145
Jadual	3.10	Analisis Data Borang Soal Selidik	145
Jadual	4.1	Kadar Respons Responden Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Luar Bandar Di Negeri Sabah.	150
Jadual	4.2	Profil Pelajar Berdasarkan Latar Belakang Peribadi (N=472)	151
Jadual	4.3	Analisis Kenormalan Bagi Pemboleh Ubah Kajian	152
Jadual	4.4	Analisis Kebolehpercayaan Pemboleh Ubah Kajian (N=472)	154
Jadual	4.5	Min dan Sisihan Piawai Sepuluh SPBM Paling Kerap Digunakan (N=472)	156
Jadual	4.6	Min dan Sisihan Piawai Sepuluh Strategi Pembelajaran Bahasa Paling Kurang Digunakan (N=472)	158
Jadual	4.7	Frekuensi (Dalam Peratusan), Min dan Sisihan Piawai SPBD (N=472)	160
Jadual	4.8	Frekuensi (Dalam Peratusan), Min dan Sisihan Piawai SPBT (N=472)	162
Jadual	4.9	Frekuensi (Dalam Peratusan), Min dan Sisihan Piawai SPBB (N=472)	165
Jadual	4.10	Frekuensi (Dalam Peratusan), Min dan Sisihan Piawai SPBTs (N=472)	169
Jadual	4.11	Min dan Sisihan Piawai Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Empat Kemahiran Bahasa (N=472)	172
Jadual	4.12	Min dan Sisihan Piawai Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Berdasarkan Kumpulan Tahap Pencapaian Bahasa (N=472)	174
Jadual	4.13	Strategi Pembelajaran Bahasa yang Digunakan Pada Tahap Tinggi Oleh PCBMs	175
Jadual	4.14	Analisis ANOVA Sehala Sampel Bebas Bagi Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Mendengar Berdasarkan Tahap Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu (N=472)	178

Jadual	4.15	Perbandingan <i>Post-Hoc Tukey</i> Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Mendengar Berdasarkan Tahap Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Melayu (N=472)	179
Jadual	4.16	Analisis ANOVA Sehala Sampel Bebas Bagi Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Bertutur Berdasarkan Tahap Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu (N=472)	180
Jadual	4.17	Perbandingan <i>Post-Hoc Tukey</i> Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Bertutur Berdasarkan Tahap Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Melayu (N=472)	180
Jadual	4.18	Analisis ANOVA Sehala Sampel Bebas Bagi Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Membaca Berdasarkan Tahap Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu (N=472)	181
Jadual	4.19	Perbandingan <i>Post-Hoc Tukey</i> Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Membaca Berdasarkan Tahap Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Melayu (N=472)	182
Jadual	4.20	Analisis ANOVA Sehala Sampel Bebas Bagi enggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Menulis Berdasarkan Tahap Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu (N=472)	182
Jadual	4.21	Perbandingan <i>Post-Hoc Tukey</i> Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Menulis Berdasarkan Tahap Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Melayu (N=472)	183
Jadual	4.22	Pekali Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Mendengar Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Melayu (N=472)	184
Jadual	4.23	Pekali Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Bertutur Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Melayu (N=472)	185
Jadual	4.24	Pekali Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Membaca Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Melayu (N=472)	186
Jadual	4.25	Pekali Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Menulis Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Melayu (N=472)	186
Jadual	4.26	Analisis Regresi Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Mendengar Terhadap Tahap Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Melayu	188

Jadual	4.27	Analisis Regresi Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Bertutur Terhadap Tahap Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Melayu	189
Jadual	4.28	Analisis Regresi Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Membaca Terhadap Tahap Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Melayu	190
Jadual	4.29	Analisis Regresi Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Menulis Terhadap Tahap Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Melayu	191



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah	2.1	Model Prosedur Menghasilkan Penulisan Teks Oleh White dan Arndt (1991).	36
Rajah	2.2	Model Proses Kemahiran Menulis Karangan Marohaini (1999)	38
Rajah	2.3	Model Proses Penulisan Roselan (2003)	39
Rajah	2.4	Model Pemprosesan Maklumat	46
Rajah	2.5	Model Strategi Pembelajaran Bahasa SMART Mohamed Amin (1998)	56
Rajah	2.6	Model Strategi Pembelajaran Bahasa Berdasarkan Kemahiran Bahasa dan Kategori Belajar Zamri (2004)	57
Rajah	2.7	Model Strategi Pembelajaran Bahasa Kamarul Shukri (2009)	58
Rajah	2.8	Model <i>Social Psychological Influences On Strategy Use</i> oleh MacIntyre (1994)	66
Rajah	2.9	Model Strategi Pembelajaran Bahasa Ellis (1994)	67
Rajah	2.10	Kerangka Konseptual Kajian yang Diubah Suai Daripada Model Strategi Pembelajaran Bahasa Ellis (1994) dan Model Strategi Pembelajaran Bahasa Zamri (2004)	123
Rajah	5.1	Model Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Empat Kemahiran Bahasa di dalam Kelas	255

SENARAI SINGKATAN

%	Peratus
EMIS	Education Management Information System
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
PCBM	Pelajar Cemerlang Bahasa Melayu
PLBM	Pelajar Lemah Bahasa Melayu
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PSBM	Pelajar Sederhana Bahasa Melayu
SP	Sisihan Piawai
SPBB	Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Aspek Kemahiran Membaca
SPBD	Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Aspek Kemahiran Mendengar
SPBM	Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu
SPBT	Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Aspek Kemahiran Bertutur
SPBTs	Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Aspek Kemahiran Menulis
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN A Borang Soal Selidik
- LAMPIRAN B Senarai Panel Pakar Penyemak Borang Soal Selidik dan Biodata Panel Pakar
- LAMPIRAN C Ujian Kenormalan Data
- LAMPIRAN D *Cronbach's Alpha* Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu
- LAMPIRAN E Jadual Penentuan Saiz Sampel
- LAMPIRAN F Jadual *Significant Factors Loading*
- LAMPIRAN G Analisis Faktor Pemboleh Ubah SPBD, SPBT, SPBB dan SPBTs
- LAMPIRAN H Surat Kebenaran daripada Sektor Penyelidikan dan Penilaian Kementerian Pelajaran Malaysia
- LAMPIRAN I Surat Kebenaran Menggunakan Instrumen Kajian dan Biodata Pembina Instrumen
- LAMPIRAN J Jadual Frekuensi (Dalam Peratusan), Min dan Sisihan Piawai Untuk Setiap Item SPBM dan Jadual Pola Penggunaan SPBM (SPBD, SPBT, SPBB dan SPBTs)
- LAMPIRAN K Output Analisis ANOVA, Korelasi Pearson dan Regresi Berganda




UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa Melayu ialah bahasa yang telah diangkat dan dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan rendah dan menengah di Malaysia. Kedudukan Bahasa Melayu yang diletakkan begitu tinggi martabatnya selaras dengan peruntukan dalam undang-undang tertinggi negara, iaitu Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Sehubungan dengan itu, Mohamed Salleh (1968 dalam Mohd Khusairi, 1983) menyatakan bahawa sesuatu negara dapat dikenali berdasarkan bahasanya, malah kekuatan dan kemasyhuran sesebuah negara terletak juga pada penggunaan bahasa kebangsaannya.



Kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan telah jelas diperuntukkan dalam Perkara 152 Perlembagaan Malaysia (Abdul Aziz, 2006). Perkara tersebut menyatakan bahawa bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu dan hendaklah dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan melalui undang-undang Parlimen. Dalam konteks kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, secara khususnya telah dimaktubkan dalam Akta Bahasa Kebangsaan pada tahun 1967 dan sebagai bahasa pengantar pada tahun 1961 dan Akta Pendidikan pada tahun 1996 (Yahya, 2008).

Kedudukan Bahasa Melayu dalam konteks kewujudannya sebagai bahasa kebangsaan amat dirasakan kepentingannya kepada negara. Hal ini demikian kerana Bahasa Melayu bukan hanya sekadar alat komunikasi dalam kalangan warganya. Namun, lebih penting daripada itu, Bahasa Melayu berfungsi untuk menjadi mangkin kepada usaha menyatukan dan memurnikan hubungan antara pelbagai kaum di negara ini (Zulkifley, 2005). Penegasan ini ada hubungannya dengan apa yang ditegaskan oleh Asmah (1983) bahawa terdapat banyak faktor

yang boleh menyatupadukan rakyat seperti faktor agama, budaya dan bahasa. Namun demikian faktor bahasalah merupakan faktor yang paling berkesan.

Kedudukan dan kepentingan Bahasa Melayu juga dapat disorot dalam konteks sejarah perkembangannya. Bahasa Melayu, sememangnya sudah menjadi bahasa '*lingua franca*' dan bahasa ilmu sejak kurun ke-13 lagi apabila bahasa ini telah menjadi wahana komunikasi dalam kalangan pedagang antarabangsa yang berurusan di Melaka. Sehubungan dengan itu, peranan Bahasa Melayu tidak pernah luntur, sebaliknya terus semarak dan relevan sebagai bahasa ilmu. Sesuai dengan sifat dan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, Bahasa Melayu sudah membuktikan peranannya dalam denyut nadi sebuah negara sebagai bahasa perpaduan bangsa, bahasa nilai ekonomi, bahasa ilmu mahupun sebagai pembina jati diri rakyat Malaysia (Zulkifli, 2003).

Sehubungan dengan itu, usaha memperkasa Bahasa Melayu bukan setakat memastikan kedudukan bahasa tersebut tetap kekal seperti yang tersurat dalam undang-undang tertinggi negara, iaitu dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Selain itu, usaha ini juga tidak terhenti setakat meletakkan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara melalui Akta Pelajaran 1996. Sebenarnya, usaha memperkasakan bahasa ini merupakan satu agenda untuk memastikan kelangsungan fungsi dan peranannya. Dalam konteks negara ini, usaha memperkasakan Bahasa Melayu harus bermula dalam sistem pendidikan negara, yakni perlu bermula di peringkat sekolah (Yahya *et al.*, 2009). Perancangan dan usaha ini bukan hanya sekadar kerangka dasar tetapi perlu diterjemahkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu selari dengan pelbagai perubahan ilmu pengetahuan yang berlaku pada hari ini.

Dalam konteks sistem pendidikan di Malaysia, salah satu penanda aras atau kayu ukur untuk melihat dan menilai perkembangan bahasa ialah berdasarkan prestasi pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, khususnya dalam peperiksaan awam seperti UPSR, PMR, SPM mahupun STPM. Acap kali apabila diumumkan keputusan peperiksaan Bahasa Melayu, sudah tentu pelbagai faktor

akan dianalisis sebagai penyumbang kepada penurunan mahupun peningkatan prestasi mata pelajaran tersebut. Antara lain faktor yang sering dikaitkan dengan pencapaian pelajar ialah faktor pelajar itu sendiri, faktor pentadbir sekolah, faktor guru, faktor ibu bapa dan juga faktor sekolah (Aripin, 2008). Walau bagaimanapun, amat kurang khalayak masyarakat mahupun ahli akademik melihat pemboleh ubah yang terletak dalam diri calon itu sendiri, iaitu strategi pembelajaran yang digunakan oleh calon untuk mencapai kejayaan. Walhal pemboleh ubah ini sudah dibuktikan oleh penyelidikan para sarjana seawal 1970-an sebagai salah satu faktor penyumbang kepada kejayaan seseorang pelajar dalam menguasai bahasa mahupun peperiksaan (Rubin, 1975; Stern, 1975). Sehubungan dengan itu, kajian ini akan memberi fokus kepada hubungan dan pengaruh penggunaan strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar sekolah menengah luar bandar terhadap pencapaian mereka dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

1.2 Latar Belakang Kajian

Latar belakang kajian ini cuba memberikan gambaran tentang aspek-aspek penting yang melatari kajian ini. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan menjelaskan tentang kedudukan, matlamat dan juga objektif mata pelajaran Bahasa Melayu dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Selain itu, di bahagian ini juga pengkaji akan membincangkan latar belakang pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan PMR untuk Negeri Sabah.

1.2.1 Bahasa Melayu Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah atau lebih dikenali dengan singkatan KBSM telah dilaksanakan pada tahun 1988 apabila pelajar-pelajar yang mengikuti sistem perlaksanaan Kurikulum Baharu Sekolah Rendah (KBSR) mengakhiri pengajian peringkat sekolah rendah pada tahun 1987. Oleh hal yang demikian, KBSM yang kekal sehingga ke hari ini merupakan kurikulum yang menjadi kesinambungan daripada pelaksanaan KBSR (Mohd Salleh, 1996). Dalam konteks mata pelajaran Bahasa Melayu, KBSM memberi tumpuan kepada penguasaan kemahiran berbahasa dan ketepatan berkomunikasi untuk melahirkan pelajar-pelajar yang fasih dalam pertuturan, cekap, kritis dan analitis dalam pembacaan serta kreatif dalam menghasilkan penulisan. Sehubungan dengan itu, pelajar